

**Masing Harap Ketua Menteri Baharu Tumpukan Kepada 29 Kerusi Dayak
Bernama
13 Feb, 2014**

KUCHING, 13 Feb (Bernama) -- Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) Tan Sri Dr James Masing berharap ketua menteri yang baharu akan memberi tumpuan khusus kepada 29 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipegang oleh kaum Dayak dalam pilihan raya DUN Sarawak akan datang.

Langkah itu amat penting dalam memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dengan majoriti besar kerana beliau berpandangan kerusi Dayak menjadi sasaran parti pembangkang.

"PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu) sudah ada deposit tetap (27 kerusi) yang tidak boleh disentuh iaitu kawasan majoriti Muslim, manakala Dayak ada 29 kerusi dan di sinilah kita jangka serangan pembangkang," katanya kepada pemberita di sini Rabu malam.

Masing turut berharap ketua menteri yang baharu akan memastikan perkongsian kuasa sebenar dalam pentadbiran kerajaan negeri.

"Komuniti Dayak harus diiktiraf bukan sahaja dari segi pembangunan tetapi juga perkongsian kuasa. Ini kerana kita berhadapan dengan ramai keturunan Dayak yang berpendidikan dan mereka tahu kedudukan mereka," katanya.

Semalam, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengumumkan meletak jawatannya berkuat kuasa 28 Feb ini dan akan diganti oleh Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Tugas-tugas Khas) Tan Sri Adenan Satem.

Mengulas lanjut, Masing berkata beliau yakin Adenan mampu menyelesaikan konflik antara dua parti komponen BN Sarawak iaitu Parti Demokratik Progresif Sarawak dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP).

"Apa yang beliau perlu lakukan sekarang ialah mendapatkan kerjasama daripada semua parti komponen dan beliau ada kebijaksanaan untuk berbuat demikian," katanya.

Sarawak mempunyai 71 kerusi DUN dan dalam pilihan negeri yang lalu, BN menang 55 kerusi.

PBB menang semua 35 kerusi yang ditandinginya manakala SUPP hanya menang enam daripada 19 kerusi, PRS menang lapan daripada sembilan yang ditandingi dan SPDP (6 daripada 8 kerusi).

DAP menang di 12 daripada 15 kerusi manakala PKR hanya menang tiga daripada 49 kerusi yang ditandingi dan satu kerusi dimenangi calon Bebas.

PAS, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Cinta Malaysia (PCM) masing-masing kalah di semua kerusi yang ditandingi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014276>